




MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
BERAKHLAK DALAM
BERKEMPEN



ISLAMIC SAVOULR OBEEDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"BERAKHLAK DALAM BERKEMPEN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوْمِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَا نُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ءَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ۝</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ ءَلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin jemaah sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan akhirat.</p>	5
<p>Khutbah pada hari ini adalah bertajuk "BERAKHLAK DALAM BERKEMPEN."</p>	6



Nasihat yang berguna dan bermanfaat merupakan perkara yang ditekankan dalam penyebaran dakwah Islam. Begitu juga, Nabi SAW pernah menjelaskan bahawa agama itu adalah nasihat. Oleh itu, asas ajaran Islam itu merupakan nasihat menasihati kerana ia menjadikan seorang Muslim akan menunaikan hak-hak Allah, hak al-Quran, hak Rasul, hak pemimpin dan hak rakyat. Malah, sebaik-baik nasihat adalah dengan bahasa yang lemah lembut, bersopan dan berhemah untuk menyampaikan kebaikan agar matlamatnya tercapai kepada si pendengar. Nasihat juga memiliki kedudukan yang istimewa dalam Islam kerana dapat memperkukuhkan ikatan *ukhuwah Islamiah* sesama saudara Islam.

7

Selaras dengan pengumuman daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan 19 November 2022 sebagai hari pengundian bagi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15). Manakala, tarikh penamaan calon dan pengundian awal masing-masing ditetapkan pada 5 dan 15 November 2022. Justeru, rakyat Malaysia perlu memilih bakal calon pemimpin yang mentadbir dan menerajui Negara dengan jaminan kemaslahatan dan mengekang kemudaratannya. Hal ini kerana, Islam sangat memandang serius soal perlantikan pemimpin bagi umat manusia meskipun dalam kelompok yang sedikit dan kecil.

8

Ini bertepatan dengan hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا كَانَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا أَحَدَهُمْ

"Jika ada tiga orang yang bermusafir, hendaknya mereka mengangkat salah seorang di antara mereka menjadi ketua."

(Riwayat Abu Daud).

9



Hakikatnya, di Malaysia sebelum mengundi, tempoh berkempen yang ditentukan selama dua minggu bagi menyokong calon dan parti yang bertanding. Kempen pilihanraya ini dilihat bagi mengangkat kredibiliti calon dan seterusnya akan dipilih menjadi pemimpin setempat. Sehubungan dengan itu, mimbar ingin menasihatkan kempen pilihan raya yang bersih perlu dijalankan dengan adab, akhlak dan semangat ukhuwah yang digariskan oleh Islam agar akhlak seorang Muslim terus dapat dipraktikkan.

10

Maka dalam tempoh berkempen setiap individu atau kumpulan hendaklah;

Pertama, individu dan jentera parti politik yang berkempen hendaklah menjauhi ucapan-ucapan yang tidak baik seperti memaki hamun, mencerca dan mendedahkan aib kepribadian seseorang. Ketika berkempen, kawallah lidah dari ucapan dan perkataan nista dan dusta. Ini kerana, terdapat hadis yang menjelaskan bahawa perbuatan ini merupakan perbuatan orang yang muflis dihadapan Allah SWT nanti.

11

Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَتَدْرُونَ مَا الْمُفْلِسُ؟ قَالُوا: الْمُفْلِسُ فِينَا مَنْ لَا دِرْهَمَ لَهُ وَلَا مَتَاعَ، فَقَالَ:
إِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِي يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلَاةٍ، وَصِيَامٍ، وَزَكَاةٍ، وَيَأْتِي قَدْ شَتَمَ
هَذَا، وَقَذَفَ هَذَا، وَأَكَلَ مَالَ هَذَا، وَسَفَكَ دَمَ هَذَا، وَضَرَبَ هَذَا، فَيُعْطَى هَذَا
مِنْ حَسَنَاتِهِ، وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ، فَإِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ يُقْضَى مَا عَلَيْهِ
أُخِذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ، ثُمَّ طُرِحَ فِي النَّارِ.

12



"Tahukah kamu siapakah orang yang mufliis itu?" Para sahabat menjawab: "Orang yang mufliis di kalangan kami adalah orang yang sudah tidak lagi memiliki dirham dan harta benda." Baginda bersabda: "Orang yang mufliis adalah orang yang datang pada Hari Kiamat dengan membawa amalan solat, puasa dan zakat, namun dia datang dalam keadaan dahulu pernah mencaci maki si fulan, menuduh dan memfitnah fulan, memakan harta si fulan, menumpahkan darah si fulan dan memukul si fulan. Amal-amal kebbaikannya dibahagi-bahagikan kepada orang-orang tersebut. Jika hak yang pernah dia langgar belum dapat dipenuhi semuanya, sedangkan amal-amal kebbaikannya sudah habis, maka kesalahan-kesalahan (dosa-dosa) mereka diambil lalu dipikulkan ke belakangnya. Kemudian dia dilempar ke dalam neraka."

(Riwayat Muslim).

13

Sebuah lagi hadis menjelaskan dua dosa yang sering menjerat manusia itu ke neraka daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

تَقْوَى اللَّهِ وَحُسْنُ الْخُلُقِ. وَسُئِلَ عَنْ أَكْثَرِ مَا يُدْخِلُ النَّاسَ النَّارَ فَقَالَ
"الْفَمُّ وَالْفَرْجُ".

14

"Takwa kepada Allah dan baik akhlaknya." Lalu baginda SAW ditanya lagi berkaitan sebab kebanyakan manusia dimasukkan ke dalam neraka? Baginda SAW menjawab: "Mulut dan kemaluan."

(Riwayat al-Tirmizi).

15



Kedua, menyemak dan meneliti kesahihan sesuatu berita dan fakta yang diterima sebelum disebarkan semasa berkempen. Ini kerana, terdapat banyak cerita yang disebarkan merupakan berita palsu yang boleh mendatangkan kegelisahan kepada pengundi-pengundi. Lebih-lebih lagi, di zaman teknologi maklumat kini, kebanyakan kempen pilihan raya akan melibatkan kempen menerusi media sosial yang berselindung di sebalik akaun palsu untuk kepentingan peribadi dan kelompok. Ini menjadikan cerita dan berita palsu dapat disensasikan dan dikongsikan di alam maya tanpa dapat dihalang penularannya semasa tempoh berkempen. Namun begitu, tidak dinafikan kempen melalui media sosial juga dilihat lebih efisien dan penyebarannya sangat pantas namun kita perlu memelihara batas-batas penerimaan dan penyebaran sesuatu maklumat dengan meneliti kandungan maklumat yang disebarkan.

16

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 6 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا
قَوْمًا بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾

17

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."

18



Ketika kehangatan dan keghairahan tempoh berkempen janganlah bertindak melulu tanpa berfikir panjang, melakukan provokasi melampau terhadap calon yang berbeza parti dengan menonjolkan kekerasan dan keganasan yang jauh terpesong daripada akhlak Islam. Sewajarnya calon dan penyokong berkempen secara sihat dan akur dengan garis panduan undang-undang serta peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa khususnya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Ketahuilah, politik merupakan ijihad dalam kerangka pemikiran Islam. Betulkanlah niat berkempen kerana Allah untuk mendapat keredaan-Nya dengan menjauhi kemurkaan-Nya. Peliharalah ikatan persaudaraan dengan menjauhkan perbalahan dan pergaduhan sesama sendiri agar beroleh petunjuk dan rahmat

19

bertepatan firman Allah SWT di dalam surah al-Hujurat ayat 10 :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

20

"Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

21

Dalam tempoh berkempen jangan sesekali jadikan perbezaan pemikiran dan hala tuju politik berlarutan sehingga habis pilihanraya dengan tidak bertegur sapa, bermasam muka dan saling salah menyalahkan atas keputusan pilihanraya. Janganlah kerana berlainan fahaman politik sanggup mengetepikan kebenaran dan prinsip-prinsip Islam. Akhirnya, kawan menjadi lawan, terlerainya ikatan silaturahim dan rumah tangga porak peranda, biarlah ibarat mendapat sama berlabab, kehilangan sama merugi.

22



Oleh itu, hiasilah tempoh berkempen dengan mempamerkan watak dan akhlak Islam yang terbuka dan rasional. Ketahuilah PRU15 bukanlah gelanggang untuk berbalah namun merupakan medan untuk kepentingan negara dan rakyat. PRU 15 adalah untuk mengangkat pemimpin yang adil, bijak dan berintegriti. Bahkan PRU 15 ini adalah medan untuk mengangkat pemimpin yang memperjuangkan aspirasi rakyat. Ia sangat dituntut dalam Islam.

23

Hadis daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْمُقْسِطِينَ عِنْدَ اللَّهِ عَلَى مَنَابِرٍ مِنْ نُورٍ عَنِ الِرَّحْمَنِ عَزَّ وَجَلَّ

24

"Sesungguhnya pemimpin yang adil berada di sisi Allah, di atas mimbar daripada cahaya, mereka duduk di sebelah kanan Tuhan Yang Maha Pengasih."

(Riwayat Muslim).

25

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini adalah:

1. Umat Islam jangan menjadikan politik segala-galanya dalam kehidupan sehingga menghalalkan perkara yang dilarang yang akhirnya menghumbankan diri ke neraka Jahanam. Matlamat tidak menghalalkan cara.
2. Umat Islam janganlah menjadikan perbuatan tidak berakhlak itu berleluasa semasa berkempen kerana akan menyebabkan agama Islam disalah fahami.
3. Syeikh Muhammad Abduh pernah berkata: "Ku dapati Islam di barat tanpa umat Islam dan aku dapati orang Islam di timur tanpa Islam. Islam tertutup dan terdinding oleh perbuatan buruk umat Islam sendiri."

26



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَيُلِّ لِكُلِّ هُمْزَةٍ لَّمْزَةٌ ﴿١﴾

"Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji."

(Al-Humazah : 1).

27

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.	12
Ya Allah! Kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22